

01/08/2003

Perolehan Celcom daripada khidmat data mudah alih meningkat

CELCOM (Malaysia) Bhd (Celcom) menjangka sumbangan perniagaan perkhidmatan data mudah alih kepada perolehan kumpulan akan meningkat hingga 50 peratus dalam setahun akan datang berbanding lima peratus tahun lalu.

Naib Presiden Kanan Perniagaan Antarabangsa dan Usaha Niaga Celcom, Zubir A Rasid, berkata perkhidmatan data mempunyai potensi pertumbuhan besar terutama perkhidmatan sistem pesanan ringkas (SMS).

Katanya, Celcom mampu mengendali 25 juta SMS setiap hari.

"Syarikat akan memberikan tumpuan kepada sektor ini untuk muncul pakar dalam bidang berkenaan," katanya pada sidang media selepas pelancaran Kempen SMS Kasih Perdana anjuran Celcom dan TM Cellular Sdn Bhd (TM Cellular), di Kuala Lumpur, semalam.

Kempen itu dilancarkan Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin.

Menerusi kempen itu, pelanggan Celcom dan TMTouch berpeluang mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas jasa dan sumbangannya kepada negara selama 22 tahun menjadi Perdana Menteri, menerusi SMS.

Pelanggan kedua-dua perkhidmatan mudah alih itu boleh menghantar SMS berkenaan ke nombor 26376 untuk meluahkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Perdana Menteri.

Ketua Eksekutif Kumpulan Celcom, Datuk Ramli Abbas, berkata, kempen itu bermula semalam sehingga 18 September itu dijangka mengumpul dua juta SMS.

"Dengan jumlah itu, kami menjangka kejayaan kempen berkenaan dapat dimasukkan ke dalam buku The Malaysia Book of Records sebagai penerima ucapan SMS terbanyak di negara ini.

"Selepas tamat kempen, kami akan mendokumentasi semua SMS yang dihantar dalam bentuk CD-Rom dan buku yang kemudiannya akan disampaikan kepada Perdana Menteri," katanya.